

Projek landasan berkembar siap 25%

PADANG BESAR 14 Jun - Pembinaan laluan kereta api bagi Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) dari Ipoh ke Padang Besar bernilai RM12.5 bilion, kini sudah lebih 25 peratus siap.

Pengurus Besar Pengurusan Projek Keretapi Tanah Melayu Bhd. (KTMB), Hilmi Mohamad berkata, projek yang bermula Januari lalu itu dijadual siap pada 2013.

Menurut beliau, pembinaan landasan itu

melibatkan beberapa negeri iaitu Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

"Sehingga 31 Mei lalu, projek bernilai RM12.48 bilion itu sudah siap 25.67 peratus dan kerja-kerja yang sudah disiapkan di Perlis ialah 16.36 peratus," ujarnya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan taklimat mengenai kedudukan terkini projek tersebut kepada Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail

di Stesen KTMB Padang Besar di sini hari ini.

Hilmi memberitahu, projek pembinaan landasan sepanjang 329 kilometer itu terbahagi kepada dua jajaran iaitu jajaran utama dan jajaran Kedah.

Bagi jajaran utama, jelas beliau, ia melibatkan landasan Ipoh, Perak-Butterworth, Pulau Pinang sepanjang 171 kilometer.

Jajaran Kedah pula, kata beliau, melibatkan Bukit

Mertajam, Pulau Pinang-Padang Besar, Perlis sejauh 158 kilometer.

Laluan Arau-Padang Besar pula, menurut beliau, adalah sepanjang 35 kilometer dan sehingga kini pembinaannya telah memasuki jarak sejauh 10 kilometer.

Beliau berkata, landasan tersebut boleh digunakan untuk 200 perjalanan kereta api dalam sehari.